

27 JUL 2003

Mahathir-Integrasi (Bergambar)/I

KERJASAMA SEMPADAN BOLEH TINGKATKAN HUBUNGAN EKONOMI M'SIA-THAI

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerjasama di kawasan sempadan antara Thailand dan Malaysia boleh merintis jalan ke arah peningkatan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara itu.

Perdana Menteri berkata sekiranya kerjasama di kawasan sempadan berjaya dilaksanakan, dan beliau yakin ia boleh dicapai jika semua pihak yang terlibat mempunyai kemahuan dan menimbangnya secara ikhlas, maka bidang yang ditetapkan boleh diperluaskan lagi.

"Barangkali akan wujud satu tahap integrasi antara lima wilayah di selatan Thailand dan negeri-negeri di utara Malaysia iaitu Kedah, Perlis dan Kelantan," kata beliau dalam ucap tama pada Dialog Perkongsian Perniagaan dan Teknologi Malaysia-Thailand di sini hari ini.

Rakan sejawatan beliau, Thaksin Shinawatra, yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke sini, turut menyampaikan ucap tama pada majlis itu sebelum kedua-dua pemimpin itu merasmikan dialog itu secara bersama.

Ia dihadiri 300 ahli perniagaan dan pegawai kerajaan dari kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata ketika berusaha menjayakan penubuhan AFTA bagi menggembleng ekonomi mereka, negara anggota Asean juga perlu berusaha bagi meningkatkan lagi kerjasama dengan jiran mereka yang lain.

Oleh kerana penduduk Asean bukan terdiri daripada rumpun bangsa yang sama, maka mereka perlulah memulakan langkah penyatuan ekonomi dengan mencubanya dalam lingkungan yang terhad, katanya.

Dr Mahathir berkata pengalaman Kesatuan Eropah boleh dijadikan panduan untuk melahirkan kerjasama merentas sempadan.

Pengenalan mata wang Euro telah menyebabkan kos sara hidup di negara yang menganggotai kesatuan itu meningkat yang seterusnya menyebabkan kenaikan upah bagi menampung kenaikan tersebut, dan akibatnya, seluruh Eropah bertukar menjadi kawasan yang mempunyai kos yang tinggi, katanya.

Tenaga kerja yang murah tidak lagi boleh diperolehi dari negara-negara Eropah yang mempunyai kos sara hidup yang rendah, dan oleh itu, ia perlu didapatkan dari Afrika dan Asia, yang sekaligus membawa bersamanya pelbagai masalah sosial.

"Sekiranya kita ingin melihat wujudnya integrasi lebih meluas antara Malaysia dan Thailand, maka ia perlulah dirancang dengan amat teliti dan dilaksanakan dengan cara yang cukup berhati-hati.

Pada mulanya, ia perlu melibatkan kawasan sempadan dan menggunakan pendekatan secara langkah demi langkah. Perubahan radikal secara mendadak perlulah dielak," katanya.

Dr Mahathir berkata, bahawa di kawasan sempadan yang ditetapkan, kelebihan yang dimiliki oleh kedua-dua negara perlu dikenal pasti dan ditawarkan kepada pelabur dari kedua-dua negara dan pelabur asing lain.

Langkah sewajarnya juga perlu diambil bagi memastikan perniagaan tempatan dan nasib pekerja dari kedua-dua negara tidak banyak terjejas akibatnya, kata Perdana Menteri sambil menjelaskan bahawa walaupun akan wujud kerosakan, ia dapat diminimumkan.

"Ini memerlukan kemahiran dan kesabaran yang tinggi. Malaysia mempunyai banyak pengalaman dalam usaha mewujudkan integrasi ekonomi," katanya merujuk kepada pembentukan kawasan kastam tunggal di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan kemudian kesatuan kastam apabila negara ini mencapai kemerdekaan pada 1957.

Dr Mahathir juga berharap resolusi dan keputusan yang dibuat pada

dialog di sini akan dijelaskan kepada mereka yang akan terbabit untuk melaksanakannya atau anggota pentadbiran tentang sebab-sebab kenapa ia dilaksanakan.

Beliau berkata jika langkah ini tidak diambil, maka semuanya tidak akan bergerak dan hanya membazirkan masa semata-mata.

Dalam ucapannya pula, Thaksin berkata kedua-dua negara perlu memberi penekanan kepada "Konsep Gugusan" bagi membolehkan mereka menukar kekuatan yang sama-sama dimiliki, menjadi satu tenaga baru yang akan memberi kesan lebih besar terhadap peluang perniagaan.

Katanya apabila mengamalkan konsep ini, kedua-dua negara perlu mengambil kira teknologi yang dimiliki dalam beberapa sektor ekonomi serantau seperti pelancongan, industri automotif, pengeluaran makanan dan industri berteknologi tinggi.

"Saya yakin terdapat ruang bagi industri yang boleh diusahakan oleh Thailand dan Malaysia yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak," katanya.

Beliau merujuk kepada kejayaan menaikkan harga getah ke paras yang paling wajar melalui kerjasama kedua-dua negara sebagai contoh bagaimana konsep itu boleh menguntungkan Thailand dan Malaysia.

Thaksin berkata kedua-dua negara juga perlu sentiasa berganding bahu dan membentuk pakatan strategik kerana mereka tidak akan mampu melawan secara bersendirian dan terselamat tanpa bantuan satu sama lain.

Beliau menyifatkan hubungan Malaysia-Thailand sekarang sebagai "rakan super-strategik" yang berganding bahu untuk membawa hubungan serantau kepada satu dimensi baru.

"Mungkin juga ia boleh kita panggil "hubungan matriks", kerana gandingan yang ada padanya sampai ke satu persimpangan yang merentas sempadan. Ini membabitkan sektor awam dari salah satu negara bertemu dengan sektor awam dari negara yang satu lagi atau sebaliknya," katanya.

Thaksin turut menggariskan gandingan strategik antara rakan teknologi dan rakan niaga yang boleh ditingkatkan lagi melalui kesatuan matlamat dan kegiatan yang berkaitan.

Beliau berkata pada era yang menuntut perubahan paradigma ekonomi sekarang ini, peralatan baru perlu dihasilkan bagi mengawal fungsi kapitalisme yang boleh membawa kepada kerosakan.

Katanya usaha memupuk kerjasama teknologi dan perniagaan melalui dialog seperti yang diadakan ini merupakan satu alat yang boleh memberi perlindungan kepada ekonomi serantau pada era baru ini.

Dialog dua hari itu dianjurkan bersama oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Agensi Pembangunan Sains dan Teknologi Kebangsaan Thailand (NSTDA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan Kementerian Sains dan Teknologi Thailand.

-- BERNAMA

TM ZS SP MAI